

9 FEB 1996

MDL RANCANG 20 KEMPEN KEBERSIHAN SEPANJANG 1996

LANGKAWI, 9 Feb (Bernama) -- Majlis Daerah Langkawi (MDL) merancang 20 kempen kebersihan di Langkawi di bawah program bersih dan indah untuk memastikan pulau peranginan bebas cukai ini sentiasa berada dalam keadaan bersih.

Timbalan Yang Dipertua MDL, Mansor Haji Ismail berkata kempen itu akan berjalan setiap bulan sepanjang tahun membabitkan gotong-royong membersihkan pantai, tempat-tempat ibadat dan tandas awam.

"Kempen ini adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu melihat Malaysia menjadi sebuah negara dalam taman," katanya kepada pemberita selepas menyertai satu gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran Masjid Al Hana di Kuah di sini.

Beliau berkata selain kempen, orang ramai juga akan diberi kesedaran mengenai kebersihan menerusi khutbah Jumaat manakala pertandingan melukis untuk kanak-kanak dan pertandingan fotografi bertemakan kebersihan juga diadakan.

Manurutnya pihak swasta dan pengusaha hotel di Langkawi akan diminta membantu MDL menjayakan kempen itu.

Gotong-royong membersihkan kawasan masjid itu membabitkan kira-kira 200 orang termasuk kakitangan MDL, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Pejabat Daerah Langkawi dan Hotel Sheraton Perdana.-- BERNAMA.

ZI OBA.